

Rakyat puji langkah kerajaan ringankan beban pengguna

» Orang ramai syor kempen diadakan secara berterusan

Oleh Ifwan Tun Tuah, Mohd Fahmi Mohd Yusof, Ahmad Suhael Adnan, Muhammad Faiz Baharin, Noor Aznida Alias, Norashikin Leman, Mohd Zulkifli Zainuddin, Mohd Nazllie Zainul, Farah Suhaidah Othman dan Errah Amran
bhnews@bh.com.my


► Kuala Lumpur

Kempen Penurunan Harga 2015 yang bermula kelmarin, disambut positif oleh orang ramai yang memuji langkah kerajaan membantu meringankan beban pengguna.

Penjawat awam, Rosmaria Mohd, 31, menyifatkan kempen itu sangat memanfaatkan pengguna yang kini dibebankan dengan kenaikan kos sara hidup, namun kesannya berbeza kerana tidak membabitkan semua barangan.

“Saya berpendapat produk yang diturunkan harga perlu dipelbagaikan kerana kempen ini hanya tertumpu pada se-setengah produk, contohnya bukan semua jenama beras diturunkan harga. Saya juga harap kempen dipanjangkan tempohnya,” katanya.

Kakitangan swasta, Muhd Khairul Annuar Abd Ajis, 26, berkata kempen itu membantu pengguna terutama golongan berpendapatan rendah merancang perbelanjaan dengan lebih sistematik, selain mampu membeli lebih banyak barang keperluan.



Pengguna membeli sayur yang ditawarkan pada harga berpatutan selepas pelancaran Kempen Penurunan Harga Barang 2015 di pasar raya di Shah Alam, semalam. [FOTO FAIZ ANUAR/BH]

Seorang lagi penjawat awam, Mahani Abd Majid, 40, berharap kerajaan melaksanakan kempen penurunan harga barang secara berterusan supaya kesannya lebih jelas, selain dapat memastikan pengguna tidak terbeban dan teripu dengan sesetengah peniaga yang menaikkan harga sesuka hati.

Pemeriksaan melalui Ops Catut

Di **Kuala Pilah**, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek, menegaskan, pihaknya tidak akan berkompromi dengan peniaga yang menurunkan kualiti produk semata-mata untuk menyertai kempen penurunan harga.

“Penguat kuasa akan memeriksa melalui Ops Catut bagi memastikan peniaga tidak ambil kesempatan menaikkan

harga atau menurunkan kualiti produk supaya boleh jual murah,” katanya selepas menyerahkan bantuan khas RM1,000 kepada setiap 227 keluarga mangsa banjir di Parlimen Kuala Pilah, semalam.

Sementara itu, tinjauan BH di sekitar bandar Seremban, mendapati beberapa pasar raya besar menurunkan harga dan ia melegakan suri rumah, Zabidah Ismail, 46, serta pemandu teksi, Razman Mohd Nor, 35, yang mahu kempen itu diadakan secara lebih meluas, termasuk di kedai runcit sekitar taman perumahan.

Di **Kuala Terengganu**, pengguna, Tuan Peduka Tuan Sulong, 46, berkata beliau dapat membeli stok barang makanan lebih banyak daripada biasa, manakala Zahari Apendi, 38, gembira kerana dapat menjimatkan perbelanjaan keluarga.

Di **Johor Bahru**, suri rumah,

Norleha Mansor, 50, berkata beliau terkejut mendapati harga ikan selar di sebuah pasar raya dijual hanya RM8 sekilogram berbanding RM12 sebelum ini. Ketua Perhubungan Awam dan Media Persatuan Penggerak Pengguna Johor, Subhi Saad turut memuji langkah dilaksanakan oleh kerajaan itu.


Beri impak besar

Di **Kota Bharu**, guru, Nik Asmarini Mohd Zain, 34, berkata penurunan harga barang memberi impak besar bagi menampung kenaikan harga petrol dan diesel walaupun hanya dilaksanakan selama sebulan, manakala Azhar Osman, 29, mengambil peluang daripada kempen kali ini dengan membeli lebih banyak bekalan barangan.

Di **Ipoh**, suri rumah, Rokiah Hussein, 68, berkata ada juga barang yang ditawarkan dengan harga murah, namun kualitinya tidak begitu baik.

Di **Shah Alam**, rata-rata pengguna berpuas hati dengan kempen berkenaan termasuk pekerja swasta, Puteri Ima D'liyana Mahadi, 31, yang menyifatkan kempen itu langkah tepat untuk mengurangkan beban rakyat.

Di **Butterworth**, tinjauan BH di sebuah pasar raya di Seberang Jaya, mendapati ada pengguna tidak menyedari kempen berkenaan, manakala yang lain seperti Hamidah Udin, 64, mendakwa masih ada beberapa produk makanan dijual agak mahal.



Tinjauan perbezaan harga di sebuah pasar raya.

[FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/BH]